

# Kursus Teknik Silviculture Dalam Perladangan Hutan Di Malaysia – 3 Hingga 7 November 2014

Rabu, 26 November 2014 08:16



**- MALAY VERSION ONLY -**

TEKS UCAPAN PERASMIAN  
DR. JALALUDDIN HARUN  
KETUA PENGARAH MTIB

KURSUS LATIHAN JANGKA PENDEK:  
TEKNIK SILVICULTURE DALAM PERLADANGAN HUTAN DI MALAYSIA  
di AYER HITAM FOREST RESERVE, UPM  
3 – 7 November 2014  
**- MALAY VERSION ONLY -**

Yang Berusaha Saudara/Saudari Pengacara Majlis,  
Wakil dari Pengurusan Fakulti Perhutanan, UPM,  
Dr. Dr. Susumu Konirobou, dari Japan Overseas Forestry Consultants Association  
(JOFCA) Japan,  
Para Penceramah Jemputan,  
Para Peserta Kursus,  
Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur yang sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan alu-aluan seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian Kursus Latihan Jangka Pendek: Teknik Silviculture dalam Perladangan Hutan di Malaysia pada pagi ini. Terima kasih juga kepada pihak Fakulti Perhutanan, UPM diatas kerjasama yang diberikan untuk melaksanakan kursus ini dengan penyelarasan program kursus dan penyediaan kemudahan penginapan kepada para peserta. Sebagai makluman tuan/puan, kursus ini adalah sebahagian daripada kursus yang perlu dilaksanakan di bawah 'Economic Partnership Program (EPP): Silviculture Technique in Forest Plantation' anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Japan International Cooperation Agency (JICA).

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Pada masa ini MTIB telah melaksanakan tugas penting untuk mengurangkan kebergantungan sumber bahan kayu ke atas hutan asli, iaitu dengan menggalakkan pembangunan secara besar-besaran ladang hutan komersil. Langkah pembangunan ladang hutan ini telah mula dilaksanakan oleh MTIB sejak tahun 2005. Program ini mensasarkan pembangunan seluas 375,000 hektar ladang hutan, dengan penanaman tahunan sebanyak 25,000 hektar dengan anggaran penghasilan 5 juta meter padu kayu. Lapan (8) spesies telah dikenalpasti dengan dua (2) spesies utama iaitu Rubberwood (klon latex balak) dan Acacia (Acacia mangium/hybrid). Penganjuran kursus ini adalah selaras dengan fungsi dan peranan MTIB di dalam bidang pengurusan hutan ladang komersil.

3. Dalam hasrat untuk merialisasikan NATIP 2020, MTIB mengalas tugas yang berat dalam memastikan target tersebut dapat dicapai dengan jayanya. Pada Thrust 2: NATIP telah menyatakan kepentingan dalam halatuhu industri ini untuk memastikan 'supply of raw materials' adalah mencukupi dan berterusan. MTIB berusaha gigih memastikan sasaran ini dapat dicapai.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Sepetimana sedia maklum, tahun ini merupakan tahun ketiga kursus ini disertai oleh MTIB dengan penganjuran kerjasama JPA dan JICA. Tuan-tuan dan Puan-puan telah selesai mengikuti kursus ini di JICA Tokyo dan JICA Hokaido pada Oktober lalu. Saya pasti banyak pengetahuan dan pengalaman baru telah diperolehi berkenaan dengan teknik silvikultur ladang hutan selama 13 hari berkursus di Jepun. MTIB berusaha kearah melahirkan pegawai-pegawai yang berkepakaran dan berpengetahuan luas dalam bidang ladang hutan.

5. Walaubagaimanapun, pada tahun ini penambahbaikan telah dibuat terhadap program kursus ini, iaitu dengan menyediakan modul 'supplementary course' selama lima (5) hari di Malaysia iaitu di Ayer Hitam Puchong dan sekitar Negeri Perak. 'Supplementary course' ini bertujuan untuk:

- a. Mengukuhkan lagi pengetahuan dan kemahiran berkenaan dengan teknik silvikultur terbaik (best practise);
- b. Memahami dan mendalami aspek pengurusan hutan ladang; dan
- c. Sebagai platform untuk bertukar pengalaman, pandangan dan kepakaran dalam aspek penambahbaikan bidang perladangan hutan komersil.

6. Disamping itu juga, melalui kursus ini Tuan-tuan dan Puan-puan akan didedahkan dengan lebih lanjut oleh para penceramah berhubung dengan status ekosistem perhutanan, pengurusan hutan dan status perladangan hutan di Malaysia. Selain itu para peserta juga akan didedahkan dengan teknik 'tree breeding' di Malaysia.

7. Harapan saya menerusi kursus ini agar semua yang hadir akan memperolehi maklumat dan pengetahuan yang berguna. Selain itu, adalah menjadi harapan MTIB semoga Tuan-tuan dan Puan-puan dapat menggunakan maklumat yang disampaikan untuk bersama-sama mengembeling tenaga untuk meningkatkan mutu pencapaian MTIB di dalam peranannya sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan ladang hutan komersil, sekaligus menggalakkan lagi pertumbuhan industri kayu kayan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua agensi yang telah bekerjasama terlibat bersama MTIB dalam meyumbang tenaga dan kepakaran untuk menjayakan Kursus Latihan Jangka Pendek: Teknik Silviculture dalam Perladangan Hutan di Malaysia.

9. Akhirkata, Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Kursus Latihan Jangka Pendek: Teknik Silviculture dalam Perladangan Hutan di Malaysia.

10. Sekian, terima kasih.